



JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK

KENYATAAN MEDIA (29 OKTOBER 2020)

1. LAPORAN HARIAN

Hari ini **10 kes** positif COVID-19 dikesan di Daerah Kuching. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 856 kes.**

A. Kes COVID-19 Baharu

i) Kes Melalui Pengesanan Secara Aktif (1 Kes Jangkitan Tempatan)

Satu (1) kes telah dikesan melalui aktiviti pengesanan aktif yang telah dijalankan oleh Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak pada malam 26 Oktober 2020. Kes adalah seorang wanita warganegara tempatan yang bekerja di sebuah pusat kecantikan di kawasan perniagaan di Galacity, Kuching.

Kes mengalami gejala selsema dan sakit tekak sejak 21 Oktober 2020. Kes tidak mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan berisiko jangkitan COVID-19 dan kontak rapat kepada kes positif COVID-19. Kes telah dimasukkan ke wad pengasingan Hospital Umum Sarawak.

Kes ini masih dalam siasatan lanjut untuk mengetahui punca sebenar jangkitan. Aktiviti pengesanan kontak kepada kes ini sedang giat dijalankan. Sehingga punca jangkitan diketahui, kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan berdasarkan sejarah awal pergerakan kes.

ii) Kes Saringan Kontak Kluster Baki (3 Kes Baharu)

Hari ini terdapat tiga (3) kes baharu yang telah dikesan melibatkan Kluster Baki. Kes-kes ini merupakan ahli keluarga kepada kes ke-768 dan kes ke-775 yang berumur dalam lingkungan 12 hingga 20 tahun. Kesemua kes ini telah berada di pusat kuarantin semasa dikesan.

Kes-kes ini telah menjalani saringan rT-PCR pertama pada 18 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 19 Oktober 2020 mendapati kes-kes ini adalah negatif untuk COVID-19. Pada 27 Oktober 2020, kesemua kes telah menjalani saringan rT-PCR kali kedua dan keputusan ujian pada 28 Oktober 2020 mendapati kes-kes ini adalah positif COVID-19. Kes-kes ini telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

iii) Kes Saringan Kontak Kluster Greenhill (4 Kes Baharu)

Hari ini terdapat empat (4) kes baharu yang telah dikesan melibatkan Kluster Greenhill. Perincian kes adalah seperti berikut:

- a) **Dua (2) kontak rapat** kepada kes ke-818 yang berumur 2 dan 58 tahun. Kes-kes ini tidak mengalami sebarang tanda dan gejala.

b) **Dua (2) kontak sosial** kepada kes dalam kluster ini. Kes-kes ini berumur 20 dan 26 tahun. Kedua-dua kes ini mengalami gejala demam dan batuk.

Kesemua kes telah menjalani saringan rT-PCR di fasiliti kesihatan kerajaan pada 27 Oktober 2020 dan keputusan ujian pada 28 Oktober 2020 mendapati kes-kes ini adalah positif COVID-19. Keempat-empat kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

iv) Kes Jangkitan Dari Luar Negara (2 kes baharu)

Dua (2) kes baharu ini merupakan wanita warganegara Indonesia yang tiba dari Kalimantan Barat, Indonesia melalui kebenaran di bawah Pendekatan Pelancongan Perubatan (*Medical Tourism*). Kes-kes ini adalah pesakit dan pengiring yang mendapat kebenaran masuk untuk mendapatkan rawatan di sebuah hospital swasta di Kuching.

Kedua-dua individu ini telah memasuki Sarawak pada 21 Oktober 2020 dan telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada hari yang sama. Keputusan ujian pada hari yang sama mendapati kes adalah negatif COVID-19. Kes-kes ini telah menjalani ujian saringan kedua COVID-19 pada 28 Oktober 2020 dan kes didapati positif COVID-19 pada hari yang sama. Kedua-dua kes telah dimasukkan ke Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut.

B. Kluster COVID-19 Yang Masih Aktif.

Hari ini, tiada kluster baharu yang telah dikesan. Walau bagaimanapun, terdapat lima (5) kluster yang masih aktif di Sarawak. Kluster-kluster yang masih aktif adalah seperti berikut:

i) Kluster Bah Arnab di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai dua belas (12) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 72 orang individu telah disaring, iaitu:

- Empat (4) kes telah dikesan semasa saringan pertama dan
- Lapan (8) kes telah dikesan melalui saringan ulangan pada hari ke-10 semasa dalam kuarantin.
- 60 individu adalah negatif saringan COVID-19 termasuk 28 orang yang telah menjalani saringan kedua pada hari Ke-10.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 16.67%. Sehingga 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, tujuh (7) kes telah sembuh dan didiscaj dari hospital manakala lima (5) orang kes lagi masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan berada di dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

ii) Kluster Putra di Daerah Bintulu.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 190 individu telah disaring. Daripada jumlah tersebut, lima (5) atau 2.63% telah dikesan positif COVID-19 dan 185 individu adalah negatif. Daripada 185 yang telah didapati negatif pada saringan pertama, seramai 80 orang individu atau 43.24% telah disaring untuk kali kedua (Hari Ke-10) di mana kesemua 80 individu tersebut juga telah didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19.

Sehingga 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, kesemua orang kes yang dalam kluster ini telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital.

iii) Kluster Baki di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan tiga (3) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini seramai 28 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 949 individu telah disaring, iaitu:

- **28 kes** dikesan positif COVID-19;
- 921 individu negatif;

Pada hari pertama PKPD dilaksanakan, sehingga jam 12 tengahari, seramai 814 individu telah menjalani saringan pertama dan mereka masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 2.95%. Sehingga 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

iv) Kluster Seladah di Daerah Kuching.

Tiada penambahan kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini kekal seramai tujuh (7) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 82 individu telah disaring, dimana:

- Tujuh (7) kes dikesan positif COVID-19;
- 71 individu negatif; dan
- Empat (4) individu yang masih menunggu keputusan.

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 38.88%. Sehingga 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

v) Kluster Greenhill di Daerah Kuching.

Terdapat penambahan empat (4) kes baharu positif COVID-19 dikesan atau dilaporkan melibatkan kluster ini pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kes positif melibatkan kluster ini adalah 29 orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 88 individu telah disaring, iaitu:

- 29 kes dikesan positif COVID-19;
- 59 individu negatif;

Ini menjadikan kadar kes positif bagi kluster ini ialah 45.31%. Sehingga 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, semua kes yang terlibat di dalam kluster ini masih menerima rawatan di wad pengasingan di hospital dan mereka adalah dalam keadaan stabil. Tiada kematian dilaporkan melibatkan kluster ini.

C. Status Kes COVID-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.

Dimaklumkan juga bahawa **terdapat lima (5)** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj dari hospital pada hari ini. Kes-kes yang telah pulih dan dibenarkan discaj ini adalah empat (4) dari Hospital Umum Sarawak dan satu (1) dari Hospital Miri. Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj setakat hari ini adalah seramai **743** orang atau **86.80%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **94** orang iaitu:

- 87 kes di wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak;
- Empat (4) kes di Hospital Miri;
- Dua (2) kes di Hospital Sibu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Bintulu.

Tiada kes COVID-19 yang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) pada hari ini. **Tiada** kes kematian baharu dilaporkan pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kematian adalah kekal seramai **19 orang atau 2.22%**.

Hari ini **19 PUI** baru telah dilaporkan dan **empat (4)** kes PUI yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

D. Aktiviti Pengesanan Secara Aktif di Galacity, Kuching.

Pada malam 26 Oktober 2020, satu aktiviti pengesanan secara aktif (ACD) telah dijalankan di pusat perniagaan Galacity, Kuching. Seramai 278 individu telah disaring untuk ujian rT-PCR COVID-19. Setakat 29 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari, 277 individu adalah negatif dan seorang adalah positif COVID-19.

Seramai 110 petugas kesihatan dan anggota pangkalan hadapan telah terlibat dalam operasi ini. Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak mengucapkan ribuan terima kasih kepada agensi yang terlibat dan kepada orang ramai yang telah memberi kerjasama semasa perjalanan aktiviti ini.

E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.

Hari ini, Daerah Kuching kekal berstatus merah dengan jumlah keseluruhan seramai 77 kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas. Ini menjadikan jumlah daerah yang berstatus Merah adalah satu (1) buah daerah dan 39 buah daerah yang lain di Sarawak kekal berada dalam status Hijau.

2. KEPUTUSAN JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA

Selaras dengan pengumuman oleh Kementerian Pendidikan Malaysia berhubung penutupan institusi Pendidikan di zon merah di Kuching, maka Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak telah bermesyuarat hari ini dan telah membuat beberapa keputusan seperti berikut:

A. Penutupan Sekolah

Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengumumkan untuk menutup semua Institusi Pendidikan di kawasan zon merah di daerah Kuching bermula 30 Oktober hingga 13 November 2020. Ini melibatkan sebanyak 209 Institusi Pendidikan di seluruh daerah Kuching. Bilangan ini merangkumi sekolah rendah dan menengah di bawah KPM, Institusi Pendidikan Guru, Kolej Matrikulasi serta sekolah swasta yang berdaftar

dengan KPM. Senarai institusi Pendidikan yang ditutup di daerah Kuching boleh rujuk kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak.

B. Penutupan Pusat Tuisyen, Tadika dan Taska

Semua Pusat Tuisyen, Tadika dan Taska di daerah Kuching akan ditutup sementara operasi **berkuatkuasa 30 Oktober 2020 hingga 13 November 2020.**

3. LAPORAN NOTIS KOMPAUN / AMARAN / SITAAN

Hari ini pihak PDRM telah mengeluarkan **16 kompaun** di Daerah Kuching (7), Padawan (5), Miri (3) dan Betong (1).

Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **105 amaran lisan, bertulis dan sitaan** di kawasan seliaan DBKU (44), SMC (23), BDA (13), MD Marudi (10), MBKS (6), MPP (5), MD Serian (2), MB Miri (1) dan MPKS (1).

4. PEMANTAUAN PEMATUHAN PKPP (01 SEPTEMBER HINGGA 31 DISEMBER 2020)

Hari ini sebanyak **1,365 premis** telah dipantau iaitu Pasaraya (181), Restoran (304), Kilang (11), Bank (100), Pejabat Kerajaan (34), Penjaja (29), Pasar Tani/Awam (50), Tempat Ibadah (56), Tempat Riadah (36), Tapak Pembinaan (17) dan lain-lain (547).

Seramai **562 anggota** pematuhan PKPP yang terdiri daripada PDRM (247), ATM (32), RELA (137), APM (90), PBT (41), KKM (8) dan lain-lain agensi (7).

5. SEKATAN JALAN RAYA OP BENTENG

Hari ini terdapat **7 sekatan jalan raya** di 6 buah daerah iaitu di Lawas (2), Lundu (1), Bau (1), Serian (1), Sri Aman (1) dan Lubok Antu (1). Melalui 7 sekatan jalan raya tersebut, sebanyak **1,691** jumlah kenderaan telah diperiksa.

6. NASIHAT KEPADA ORANG RAMAI

Kita mohon agar rakyat Sarawak sedar dan mengambil maklum, jumlah kes positif yang telah dilaporkan semakin meningkat. Beberapa tindakan telah diambil sebagai langkah pencegahan seperti yang telah diumumkan sebelum ini. Yang lebih penting, semua rakyat Sarawak mesti memainkan peranan masing-masing untuk menentukan penularan COVID-19 ini dapat diputuskan seperti yang telah kita capai sebelum ini. Walau bagaimanapun kita masih melihat ada sekumpulan kecil rakyat Sarawak masih leka untuk tidak mematuhi SOP yang telah diarahkan.

Pihak penguatkuasa telah diarahkan untuk mengambil tindakan yang tegas kepada sesiapa yang melanggar peraturan yang ditetapkan. Semua ini di buat adalah bagi kepentingan rakyat Sarawak dengan matlamat untuk memutuskan rantaian COVID-19 secepat mungkin supaya rakyat Sarawak dapat terus menjalani kehidupan seperti biasa.

Sekarang daerah Daerah Kuching berstatus merah. Oleh itu orang ramai adalah dinasihatkan untuk mengelakkan pergerakan bagi mengurangkan peningkatan kes khususnya bagi penduduk di sekitar daerah Kuching. Sekiranya tidak ada keperluan mendesak atau penting adalah dinasihatkan untuk terus kekal berada di rumah. Sekali lagi saya ingin mengingatkan kepada rakyat Sarawak bahawa peperangan ini hanya akan berjaya sekiranya semua pihak berganding bahu dan berkerjasama.

Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives
Jaga Sarawak Intu Sarawak

SEKRETARIAT
JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK
29 OKTOBER 2020
5.00 PETANG

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

Kes Terdahulu	846		Kes sedang dirawat di hospital	94	10.98%
Kes Baharu	10		Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>	0	0.00%
Jumlah Individu Disampel	141,857		Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>intubated</i>)	0	0.00%
Kes Positif Keseluruhan	856		Jumlah kes kematian	19	2.22%
IR per 100,000 penduduk	27.75		Kes telah sembuh dan discaj	743	86.80%
Keputusan Makmal (PUI)	Baru	Kumulatif	<i>Patient Under Investigation (PUI)</i>	Baru	Kumulatif
Negatif	6	9,203		19	10,063
Menunggu keputusan	4	4			

Status Semasa		SGH Kuching	Hospital Sibu	Hospital Bintulu	Hospital Miri	Hospital Sungai Buloh	JUMLAH
Kes sedang dirawat di hospital		87	2	1	4	0	94
Kes di <i>Intensive Care Unit (ICU)</i>		0	0	0	0	0	0
Kes yang memerlukan bantuan pernafasan (<i>Intubated</i>)		0	0	0	0	0	0
Jumlah kes kematian		17	0	0	2	0	19
Kes telah sembuh dan discaj	Baru	4	0	0	1	0	5
	Kumulatif	613	39	46	43	2	743
Jumlah Kumulatif kemasukan semula ke hospital (<i>Re-tested Positive</i>)		9	9	3	1	0	22

DAERAH MERAH (1)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Kuching	18	6,687	10	546	4	448	0	12	86	89	77
Jumlah		18	6,687	10	546	4	448	0	12	86	89	77

Sumber: CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

DAERAH HIJAU (39)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Samarahan	0	573	0	113	0	109	0	4	0	0	0
2	Bintulu	0	313	0	47	0	46	0	0	1	1	0
3	Lubok Antu	0	28	0	3	0	3	0	0	0	0	0
4	Sibu	0	118	0	17	0	15	0	0	2	2	0
5	Lawas	0	21	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Serian	0	315	0	25	0	24	0	0	1	1	0
7	Lundu	0	257	0	3	0	3	0	0	0	0	0
8	Bau	0	179	0	7	0	7	0	0	0	0	0
9	Simunjan	0	63	0	8	0	8	0	0	0	0	0
10	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
11	Tebedu	0	6	0	3	0	3	0	0	0	0	0
12	Limbang	0	32	0	10	1	9	0	1	0	0	0
13	Miri	1	848	0	35	0	30	0	1	4	4	0
14	Asajaya	0	44	0	5	0	5	0	0	0	0	0
15	Sri Aman	0	54	0	4	0	3	0	1	0	0	0
16	Betong	0	190	0	16	0	16	0	0	0	0	0
17	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
18	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
19	Sarikei	0	92	0	6	0	6	0	0	0	0	0
20	Saratok	0	26	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Meradong	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
27	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Dalat	0	14	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
32	Kapit	0	35	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
34	Song	0	4	0	0	0	0	0	0	0	0	0
35	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
36	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
37	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
38	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
39	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah		1	3,376	0	310	1	295	0	7	8	8	0

Jumlah Besar	19	10,063	10	856	5	743	0	19	94	97	77
---------------------	-----------	---------------	-----------	------------	----------	------------	----------	-----------	-----------	-----------	-----------

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **209** *Person Under Surveillance* (PUS) telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **24 buah hotel** adalah seramai **2,153 orang**. Manakala seramai **28,512 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 29.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	Kuching (1,343)	Hock Lee	148
2		Kuching Park	144
3		Hilton	312
4		Harbour View	204
5		Riverside (Astana Wing)	243
6		Tune Hotel	69
7		Dormani Hotel	44
8		Grand Continental	179
9	Miri (475)	Mega Hotel	89
10		Imperial Palace	94
11		Eastwood Valley	49
12		Meritz	83
13		Miri	34
14		Dynasty	89
15		Citi Hotel	37
16	Bintulu (119)	Wasan Inn	25
17		Kidurong Inn	31
18		Motel Kapok	32
19		Faber Inn	31
20	Limbang (102)	Purnama	36
21		Seri Malaysia (Lawas)	48
22		Shangshan (Lawas)	0
23		Mandarin (Lawas)	18
24	Sibu (114)	Premier	114
Jumlah PUS			2,153

3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **7 lokasi di Mukah (2), Kuching (1), Serian (1), Sarikei (1), Kapit (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **1,864 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 29.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	OPERASI SEMASA	OPERASI TERKUMPUL
1	Kuching	1	607
2	Miri	1	348
3	Sibu	TIADA	185
4	Samarahan	TIADA	124
5	Bintulu	TIADA	116
6	Sarikei	1	115
7	Limbang	TIADA	86
8	Serian	1	69
9	Betong	TIADA	57
10	Sri Aman	TIADA	53
11	Kapit	1	53
12	Mukah	2	51
Jumlah Keseluruhan			1,864

4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK

Hari ini, sebanyak **58 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 29.10.2020 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	LOKASI
1	DBKU	2
2	MP Padawan	3
3	MD Serian	3
4	MD Sri Aman	8
5	MD Lubok Antu	1
6	MP Sibu	9
7	BDA	3
8	MCC	14
9	MD Marudi	5
10	MD Limbang	2
11	MD Lawas	8
Jumlah		58